



[www.saujana.sg](http://www.saujana.sg)

# HUBUNG AYAT



OLEH:  
MOHAMED NAIM DAIFI

NAMA : \_\_\_\_\_

DARJAH : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_



Sila klik imej untuk kembali ke  
laman lembaran kerja

# HUBUNG AYAT 1

1

Anak panah itu dilepaskan oleh Sang Nila Utama.  
Anak panah itu mengenai rusa jantan itu.  
Rusa jantan itu tidak mati.

2

Dia mengambil sehelai tuala kecil.  
Dia menggelap peluh di mukanya.  
Dia menggelap peluh di tengkuknya.

3

Kucing itu dianiyai oleh budak-budak nakal.  
Kucing itu tempang.  
Tubuh kucing itu melecur.

# HUBUNG AYAT 2

1

Nelayan itu memberitahu isterinya.  
Beliau hendak ke laut.  
Beliau hendak menangkap ikan.

2

Pertunjukan itu akan ditangguhkan.  
Sambutannya amat dingin.  
Hujan turun sangat lebat.

3

Setiap hari, Dalip membuat latihan matematik.  
Dalip cekap dalam matematik.  
Dalip pintar dalam matematik.

# HUBUNG AYAT 3



1

Dia penyanyi terkemuka.  
Dia tidak sombong terhadap jirannya.  
Dia tidak sombong terhadap peminatnya.

2

Hujan turun dengan lebat.  
Katak-katak pun berdendang.  
Budak-budak terkurung di dalam rumah.

3

Pengetua masuk ke dalam kelas.  
Azmi sedang memekik-mekik.  
Syarif sedang bernyanyi-nyanyi.

# HUBUNG AYAT 4

1

Ibu memasak nasi di dapur.  
Ayah membersihkan ruang tamu.  
Kakak menukar langsir baru.

2

Haji Taha bangun dari kerusinya.  
Haji Taha menuju ke pintu.  
Haji taha meninggalkan rumah itu.

3

Kami akan menjamu tetamu kami di Restoran Lazat.  
Kami akan menjamu tetamu kami di Restoran Nikmat.

# HUBUNG AYAT 5

1

Dia bekerja pada waktu siang.  
Dia bekerja pada waktu malam.  
Pendapatannya masih tidak mencukupi.

2

Kami tidak mahu memaafkannya.  
Kami tidak mahu berkawan dengannya.  
Dia tidak memohon maaf kepada kami.

3

Penonton segera pulang.  
Pertunjukan fesyen pakaian tradisional selesai.  
Persembahan irama tradisional selesai

# HUBUNG AYAT 6

1

Guru latihan jasmani itu bersenam ringan.  
Guru latihan jasmani menantikan murid-muridnya.  
Murid-murid menyalin pakaian.

2

Musuh akan menyerang negara kita.  
Pertahanan kita lemah.  
Pertahanan kita tidak bersiap sedia.

3

Pemuda itu anak seorang hartawan.  
Pemuda itu tidak pernah bermegah-megah.  
Pemuda itu tidak pernah menunjuk-nunjuk.

# HUBUNG AYAT 7

1

Hari menjelang senja.  
Binatang-binatang ternakan pulang ke reban.  
Binatang-bintanag ternakan pulang ke kandang

2

Pasukan itu memenangi pertandingan tersebut.  
Para penyokong pasukan itu masuk ke gelanggan.  
Para penyokong mengucapkan tahniah kepada para pemain.

3

Mereka terus bermain bola di padang itu.  
Hujan turun dengan lebat.  
Petir sabung-menyabung.

# HUBUNG AYAT 8

1

Pengetua terpaksa menggantung Karim daripada mengikuti kelas selama seminggu.

Kenakalan Karim sudah melampaui batas.

2

Hisyam terpaksa membatalkan pemergiannya ke Amerika.

Ekonomi keluarganya tidak mantap.

Bapanya diberhentikan kerja. Ibunya diberhentikan kerja.

3

Perayaan Hari Raya tahun ini akan lebih meriah.

Ekonomi negara bertambah baik.

Orang ramai tidak mengalami kekurangan wang.

# HUBUNG AYAT 9

1

Saya berada di situ.  
Zamani juga berada di situ.  
Kejadian yang menggerunkan itu berlaku di situ.

2

Dia hanya mahu bercakap dengan saya.  
Saya memohon maaf.  
Saya berjanji akan berkelakuan baik.

3

Nelayan tua itu belum turun ke laut.  
Nelayan tua itu berdoa.  
Nelayan tua itu mendapat rezeki yang lumayan.

# HUBUNG AYAT 10

1

Dia bersiap-siap lebih awal.  
Dia tidak mahu lewat lagi ke sekolah.  
Dia tidak mahu dimarah guru disiplinnya lagi.

2

Askar itu berani menentang musuh.  
Askar itu diberi anugerah.  
Askar itu dinaikkan pangkat.

3

Pesta itu diadakan tidak jauh dari tempat tinggal kami.  
Kami berjalan kaki ke pesta itu.

# HUBUNG AYAT 11

1

Dia belum bertolak ke Kuantan.  
Dia berpesan kepada kami  
Dia menyuruh kami menjaga rumahnya.

2

Semua kawan saya telah berumah tangga.  
Bahari belum berumah tangga.  
Bahari terpaksa menyara adik-beradiknya.

3

Encik Low sentiasa berulang-alik ke luar negeri.  
Dia dilantik menjadi pengurus syarikat perkapalan itu.

# HUBUNG AYAT 12

1

Dengan perasaan kecewa bercampur geram, Rahim mengemaskan barang-barangnya. Dengan perasaan kecewa bercampur geram, Rahim meninggalkan rumah itu.

2

Dia telah mendengar berita yang sedih itu.  
Dia menangis tersedu-sedu.  
Dia jatuh pingsan.

3

Lukman mengembalikan buku-buku itu ke perpustakaan.  
Lukman telah selesai membaca kesemuanya.  
Lukman meminjam beberapa buah buku lagi.